

Najib Pendengar Baik, Hormati Pandangan Orang Lain - Bekas SUSK

Bernama

Feb 19, 2016

Oleh Noor Shamsiah Mohamed dan Nurrul Huda Ahmad Lutfi

KUANTAN, 19 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak adalah pemimpin negara yang tidak pernah memandang rendah terhadap sesuatu idea yang dikemukakan kepadanya oleh sesiapa sahaja termasuk kakitangan beliau, demikian menurut seorang bekas pegawainya.

Bekas Setiausaha Sulit Khas (SUSK) beliau, Datuk Abdul Manan Ismail, 68, berkata perdana menteri merupakan pendengar yang baik terhadap pendapat orang lain dan tidak suka bersangka buruk kepada mana-mana pihak.

"Tidak pernah saya nampak apabila ada orang memberikan pendapat, beliau akan tolak mentah-mentah atau tidak mahu mendengarnya sama ada orang kampung di Pekan atau orang politik yang datang jumpa beliau.

"Tetapi untuk memutuskan sama ada hendak menerima pakai atau menolak pendapat itu terpulang kepada beliau sendiri, yang penting di sini beliau menghormati pandangan orang lain," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Abdul Manan, yang berkhidmat selama 18 tahun dengan Najib sejak 1986 hingga 2004, berkata perdana menteri juga seorang yang tenang dan tidak mudah melenting dalam menghadapi sebarang isu melibatkan negara mahupun parti.

"Saya pernah tengok sewaktu beliau menyelesaikan isu Pemuda UMNO sewaktu menjadi menjadi Pemangku Ketua Pemuda UMNO, sekitar 1987 yang mana pada waktu itu berlaku pertandingan (Presiden UMNO) antara Tun Dr Mahathir Mohamad dengan Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah.

"Ketika itu Pemuda UMNO berpecah dua iaitu satu pihak menyebelahi Tun Dr Mahathir dan satu lagi berpihak kepada (Tan Sri) Tengku Razaleigh.

"Namun Najib panggil penyokong kedua-dua belah pihak untuk mendengar keluhan masing-masing. Ada juga Exco Pemuda memarahinya waktu ini tetapi beliau masih tenang menghadapinya," katanya.

Abdul Manan berkata sifat yang ada pada diri anak kelahiran Kuala Lipis, Pahang itu membolehkannya berhadapan krisis 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan dana RM2.6 bilion dengan penuh sabar dan tidak mudah melatah meskipun dilemparkan pelbagai tuduhan liar.

"Perdana Menteri kita ini bukan jenis suka cakap buruk pasal orang lain walaupun orang itu ada bercakap buruk pasal dirinya. Kalau kita bersembang ramai-ramai ada cerita buruk tentang sesuatu, beliau tidak ambil kisah langsung, buat-buat tidak dengar sahaja.

"Sepanjang pengetahuan saya, beliau ini jenis yang sentiasa berfikiran positif pasal orang lain. Kalau bersembang pun hanya benda-benda kelakar sebab Datuk Seri Najib suka orang buat joke'(jenaka)," katanya.

Bercerita mengenai cara kerja Najib, Abdul Manan berkata perdana menteri mempunyai sistem kerja tersendiri iaitu sewaktu menjadi Menteri Belia dan Sukan, Menteri Pertahanan serta Menteri Pendidikan beliau mengambil pendekatan menumpukan kepada penyelesaian masalah yang timbul dalam kementerian.

"Semasa di Kementerian Belia dan Sukan, menerusi Majlis Sukan Negara (MSN) beliau mempercepatkan pemberian imbuhan sebagai insentif kepada atlet yang memenangi pingat emas misalnya dan waktu ini sukan nampak 'hidup' sebab itu beliau rapat dengan atlet-atlet kita.

"Ketika di Kementerian Pelajaran pula beliau memperbanyakkan rumah guru manakala di Kementerian Pertahanan banyak kebajikan tentera dijaga dengan kenaikan elaun tentera termasuk menambah aset keselamatan negara seperti pembelian kapal selam dan jet pejuang dari Rusia," katanya.

Sementara itu, bekas Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Pahang, Datuk Seri Abdul Jabbar Ibrahim, 79, ketika Najib menjadi Menteri Besar Pahang pada tahun 1982 hingga 1986 pula, berkata Najib merupakan seorang pemimpin yang mudah dibawa berbincang dengan anak buah.

"Beliau juga seorang yang mudah untuk kita 'berkira' dan buat keputusan selepas mempertimbangkan sesuatu perkara dengan teliti. Beliau juga akan pastikan keputusan yang diambil itu mampu memuaskan hati semua pihak," katanya.

Menurutnya, satu lagi sifat Najib yang beliau kagumi ialah pemimpin itu jarang marah walaupun berhadapan dengan banyak masalah.

"Tetapi saya tahu kalau beliau mendiamkan diri, itu tandanya dia sedang marah," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2015 BERNAMA

<http://www.bernama.com/bernama/v8/newsindex.php?id=1217537>